

Jangka kutip cukai luar biasa RM500j

Raub: Kerajaan dijangka memperoleh pendapatan menerusi cukai luar biasa berjumlah lebih RM500 juta sekiranya harga sawit terus stabil pada paras RM3,000 setan sehingga tahun hadapan.

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Ahmad Jazlan Yaakub berkata, ini sumbangan penting industri sawit bagi sektor perladangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam situasi pandemik Covid-19 belum pulih di dalam negara.

“Harga sawit mungkin meningkat lebih tinggi kerana permintaan negara luar terus meningkat, ia juga disebabkan stok kita berada di bawah dua juta tan iaitu lebih kurang 1.6 juta tan.

“Cukai luar biasa atau durian runtuh dikenakan ke atas hasil jualan sawit pada paras harga sekarang membolehkan negara mengutip cukai dalam anggaran RM348 juta.

“Jika harganya terus stabil pada paras RM3,300 setan ke atas sehingga 2021 kerajaan mungkin memperolehi RM500 juta atau lebih lagi,” katanya pada sidang media selepas Program Kempen MSPO Pekebun Kecil di sini.

Ahmad Jazlan berkata, cukai luar biasa sebanyak tiga peratus hanya dikenakan apabila harga sawit mencecah RM2,500 setan ke atas bagi Semenanjung manakala Sabah serta Sarawak dikenakan cukai 1.5 peratus apabila komoditi itu mencecah RM3,000 setan ke atas.